

# LEVO CETIRIZINE SYRUP

Levocetirizine Dihydrochloride (2.5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LEVO CETIRIZINE
2. Bagaimana LEVO CETIRIZINE berfungsi
3. Sebelum menggunakan LEVO CETIRIZINE
4. Cara menggunakan LEVO CETIRIZINE
5. Semasa menggunakan LEVO CETIRIZINE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LEVO CETIRIZINE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan LEVO CETIRIZINE

LEVO CETIRIZINE merupakan ubat anti-alergi. Ia digunakan dalam rawatan symptom yang berkaitan dengan alahan seperti

- Alergi rhinitis (radang lapisan membran dalam hidung)
- Alergi sepanjang tahun seperti habuk atau alahan haiwan kesayangan
- ruam netel kronik tanpa sebab yang diketahui

## Bagaimana LEVO CETIRIZINE berfungsi

LEVO CETIRIZINE berfungsi dengan menyekat kesan histamin, yang membantu untuk melegakan simptom alahan yang juga merangkumi ruam, bersin, mata berair dan hidung berair atau tersumbat.

## Sebelum menggunakan LEVO CETIRIZINE

### Bila tidak boleh menggunakan

#### Hipersensitiviti

Jangan ambil LEVO CETIRIZINE jika
 

- anda alergi (hipersensitif) kepada

LEVO CETIRIZINE atau bahan berkaitan atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam LEVO CETIRIZINE

- Anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi dengan gula

### Sebelum menggunakan LEVO CETIRIZINE

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah kesihatan yang berikut:

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang. Anda mungkin memerlukan dos yang lebih rendah dan harus membincangkan tentang keadaan anda dengan doktor anda.

## Mengandung and Menyusu Bayi

Tidak ada maklumat mengenai keselamatan penggunaan LEVO CETIRIZINE semasa mengandung atau menyusukan bayi. Apabila anda hamil atau menyusu anda hanya perlu menggunakan LEVO CETIRIZINE jika ada manfaat yang jelas melebihi risiko yang mungkin. Doktor anda akan membuat keputusan ini untuk anda.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ubat-ubat lain mungkin terjejas oleh LEVO CETIRIZINE. Ia sebaliknya boleh menjelaskan bagaimana LEVO CETIRIZINE berfungsi.

## Cara menggunakan LEVO CETIRIZINE

Jumlah LEVO CETIRIZINE yang sesuai harus diukur dengan picagari oral dan dituangkan dalam sudu atau dalam segelas air. Larutan mesti diambil melalui mulut serta selesa selepas pencairan.

### Dos Biasa

*Dewasa dan kanak-kanak 6 tahun dan ke atas*

Dos harian yang disyorkan untuk LEVO CETIRIZINE adalah 5 mg setiap hari (10ml larutan).

*Kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun*

Dos yang disyorkan harian ialah 2.5mg yang akan diambil dalam 2 pengambilan 1.25mg (2.5ml larutan dua kali sehari)

*Warga tua*

Pelarasan dos disyorkan dalam warga tua yang mempunyai masalah buah pinggang.

### *Masalah buah pinggang*

Dos akan diselaraskan mengikut fungsi buah pinggang

### Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi. Anda boleh mengambil ubat ini dengan atau tanpa makanan.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan LEVO CETIRIZINE untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesan mengantuk pada orang dewasa dan bermula dengan agitasi dan kegelisahan, kekeliruan, dan diikuti dengan rasa mengantuk dalam kalangan kanak-kanak.

### Semasa menggunakan LEVOCETIRIZINE

- **Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Ambil ubat ini melalui mulut.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan LEVOCETIRIZINE

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi LEVOCETIRIZINE dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

Anda perlu berwaspada jika anda mengambil LEVOCETIRIZINE pada waktu bersama dengan alcohol. Pada orang yang sensitif, kesan alkohol boleh dipertingkatkan atau berbeza daripada yang dijangkakan.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera.

Dalam sesetengah orang, LEVOCETIRIZINE boleh menyebabkan mengantuk dan keletihan. Jika anda mengalami mana-mana gejala-gejala ini, maka jangan memandu atau mengendalikan apa-apa mesin.

### Kesan-sesan sampingan

Seerti ubat-ubatan lain, LEVOCETIRIZINE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan yang didapati dengan penggunaan LEVOCETIRIZINE disenaraikan di bawah.

Biasa:

- Mengantuk
- Sakit kepala
- Mulut kering

Tidak Biasa:

- Berasa lemah atau tidak bertenaga yang luar biasa
- Sakit perut

Sangat Jarang:

- Tindakbalas alahan yang serius
- Kesukaran bernafas
- loya
- Bengkak bawah kulit
- Kulit gatal
- Ruam
- Peningkatan berat badan

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03- 78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

### Cara penyimpanan dan pelupusan LEVOCETIRIZINE

- **Penyimpanan**

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C. Jauhi daripada cahaya dan kelembapan.

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

Levocetirizine Syrup 2.5mg/5ml merupakan sirap berwarna oren dan berperisa sedap, mempunyai rasa yang manis dan tiada mendapan, diisi ke dalam botol *amber* kuning, ditutup dengan penutup ROPP, dilabelkan dan diletakkan di dalam kotak yang bercetak.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Levocetirizine Dihydrochloride.

- Bahan tidak aktif

Purified Water, Ordinary Sugar, Methylparaben, Propylparaben, Disodium Eddate, Sodium Citrate, Anhydrous Citric acid, Sorbitol Solution 70% (Non-Crystallizing), Glycerine, Sunset Yellow FCF Supra, Orange Flavour RS 15215, Hylosupercel (Celite).

- **Nombor MAL**

MAL11030093AZ

**Pengilang**

FDC LIMITED,  
B-8, MIDC AREA, Waluj  
Aurangabad-431 136, Maharashtra,  
India

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn Bhd  
No. 53, Jalan Tembaga SD5/2B  
Bandar Sri Damansara  
52200 Kuala Lumpur.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

27/06/2018

**Serial Number:**

NPRA(R4/1)300518/00171